

# Unimas disaran kaji punca 500 kelahiran anak kurang upaya di Ulu Baram

KUCHING, Sabtu - Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) diminta membuat kajian terperinci mengenai punca berlakunya terlalu banyak kes kelahiran anak kelainan upaya (OKU) di kawasan Long Lapuk Ulu Baram, kata Senator Datin Seri Empiang Jabu hari ini.

Beliau berkata setakat ini, belum ada sebarang kajian terperinci yang dibuat oleh mana-mana institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTS) berhubung perkara itu.

"Unimas ataupun mana-mana IPTS perlu membuat satu kajian kenapa berlaku kes hampir 500 kelahiran OKU di 20 rumah panjang di Ulu Baram. Sama ada ia berlaku atas faktor genetik, pemakanan ataupun ada faktor lain," katanya ketika berucap merasmikan Persatuan Wanita Rantau Asia Tenggara dan Pasifik (PPSEAWA) bahagian Sarawak di sini hari ini.

Sementara itu, Empiang berkata badan bukan kerajaan seperti PPSEAWA juga dialu-alukan untuk sama-sama membantu membangunkan taraf wanita di kawasan luar bandar khasnya daripada segi pembangunan ekonomi dan sosial.

- Bernama